

07 DEC 1997

Mahathir-Ekonomi

LANGKAH-LANGKAH BARU AKAN MEMBANTU EKONOMI, KATA DR M

LANGKAWI, 7 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, langkah-langkah baru untuk memperkukuhkan ekonomi yang diumumkan oleh kerajaan dapat mengembalikan keyakinan pelabur terhadap ekonomi negara.

"Kita telah memutuskan langkah-langkah itu... tetapi saya tidak dapat menyatakan berapa jelas lagi kita perlu bertindak."

"Tetapi yang pastinya adalah jelas kita telah mengambil langkah-langkah perlu untuk mengembalikan keyakinan dalam ekonomi," kata Dr Mahathir dalam persidangan berita pada hari terakhir Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi '97 (LIMA '97) yang berlangsung selama enam hari di sini.

Perdana Menteri berkata demikian apabila diminta mengulas mengenai langkah-langkah yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Jumaat lepas. Anwar juga merupakan Menteri Kewangan.

Antara langkah-langkah itu ialah unjuran kadar pertumbuhan yang lebih rendah bagi tahun depan iaitu antara empat dan lima peratus berbanding tujuh peratus seperti yang diumumkan pada belanjawan 1998.

Juga kedudukan imbalan bayaran balik dikaji semula untuk mengurangkan defisit akaun semasa daripada empat peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 1998 kepada tiga peratus dan juga menjaga kepentingan pendeposit.

Untuk mencapai ini, kerajaan akan mengurangkan perbelanjaan persekutuan sebanyak 18 peratus bermula dengan pengurangan menyeluruh sebanyak 10 peratus dalam perbelanjaan mengurus dan pembangunan dan lapan peratus lagi atas dasar lebih memilih.

Mengenai pertemuannya dengan Lim Kit Siang, ketua pembangkang dan Setiausaha Agung DAP semasa LIMA di sini, semalam, Perdana Menteri berkata beliau telah menjelaskan kepada Lim mengenai Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC) dan masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara.

Beliau berkata, langkah-langkah yang diumumkan itu turut memerlukan pengorbanan semua pihak.

Dr Mahathir berkata, beliau mahukan DAP memahami "mengapa kita perlu pengorbanan jika kita mahu pulih kembali".

Semalam, Lim memberitahu pemberita selepas pertemuannya dengan Dr Mahathir yang DAP menyokong langkah-langkah baru itu yang menurut Lim akan "mengembalikan sedikit keyakinan" pada pelabur.

Mengenai permintaan DAP untuk menganggotai NEAC yang dijangka ditubuhkan dengan rasmi bulan ini, Dr Mahathir berkata : "Buat masa ini tiada rancangan untuk membawa masuk DAP atau PAS ataupun sesiapa juga."

Mengenai lawatannya ke Teheran untuk menghadiri sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) minggu depan, Dr Mahathir berkata beliau akan bertemu dengan ketua-ketua kerajaan lain untuk membincangkan masalah masa kini.

Ditanya sama ada beliau akan mencadangkan sebarang langkah untuk memperkukuhkan kerjasama di kalangan negara-negara anggota OIC, Perdana Menteri berkata beliau tidak akan mengemukakan sebarang langkah khas.

Sebelum ini Dr Mahathir telah memberitahu Agensi Berita Republik Islam Iran (IRNA) dalam satu temubual sempena sidang OIC dari 9 hingga 11 Dis yang OIC tidak seperti diharapkan dan perlu berbuat lebih banyak lagi untuk memperkukuhkan perpaduan di kalangan negara-negara Islam. -- BERNAMA

ES JM PR